

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 26 April 2024**



## **KENYATAAN MEDIA**

### **BAGI STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI**

### **MAC 2024**

#### **LIMA NEGERI MENYUMBANG 81.2 PERATUS DARIPADA JUMLAH PERDAGANGAN PADA BULAN MAC 2024**

**PUTRAJAYA, 26 April 2024** – Malaysia mencatatkan jumlah perdagangan bernilai RM244.5 bilion pada Mac 2024 dengan eksport dan import masing-masing bernilai RM128.6 bilion dan RM115.8 bilion, seperti yang dilaporkan hari ini dalam **STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI MAC 2024**.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata prestasi eksport Malaysia pada Mac 2024 bernilai RM128.6 bilion, menurun sebanyak RM1.0 bilion (-0.8%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Penurunan eksport dipengaruhi oleh eksport yang lebih rendah di kebanyakan negeri iaitu Selangor (-RM2.1 bilion), W.P. Labuan (-RM1.6 bilion), Melaka (-RM686.2 juta), Sabah (-RM443.8 juta), Sarawak (-RM260.9 juta), Pulau Pinang (-RM129.8 juta), Negeri Sembilan (-RM118.5 juta), Johor (-RM44.6 juta) dan Perlis (-RM27.0 juta). Walau bagaimanapun, nilai eksport meningkat di Perak sebanyak RM1.5 bilion, W.P. Kuala Lumpur (+RM1.3 bilion), Terengganu (+RM929.9 juta), Pahang (+RM522.0 juta), Kedah (+RM151.7 juta) dan Kelantan (+RM36.2 juta).

Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 32.0 peratus, diikuti oleh Johor (20.0%), Selangor (16.9%), Sarawak (8.1%) dan W.P. Kuala Lumpur (4.5%).

Beralih kepada prestasi import mengikut negeri, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin memaklumkan import pada bulan Mac 2024 meningkat RM12.9 bilion (+12.5%) berbanding bulan yang sama pada 2023. Peningkatan import disebabkan oleh import yang lebih tinggi di kebanyakan negeri iaitu Johor (+RM8.2 bilion), Melaka (+RM1.6 bilion), Negeri Sembilan (+RM1.2 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM1.0 bilion), Selangor (+RM996.7 juta), Kedah (+RM419.7 juta), Pahang (+RM152.6 juta), Terengganu (+RM92.1 juta), Kelantan (+RM71.0 juta), Sabah (+RM55.5 juta) dan W.P. Labuan (+RM30.3 juta). Walau bagaimanapun, nilai import jatuh di Pulau Pinang sebanyak RM521.9 juta, Perak (-RM393.8 juta), Sarawak (-RM115.9 juta) dan Perlis (-RM6.8 juta).


Johor mendominasi import Malaysia dengan sumbangan 27.9 peratus, diikuti oleh Selangor (23.6%), Pulau Pinang (19.2%), W.P. Kuala Lumpur (7.5%) dan Kedah (5.0%).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

**Carta 1: Data Siri Masa Eksport dan Import bagi negeri Johor, Pulau Pinang dan Selangor,  
Mac 2023 – Mac 2024 (RM Bilion)**



## Paparan 1: Infografik Statistik Eksport Import Mengikut Negeri, Mac 2024



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
26 APRIL 2024**



**PRESS STATEMENT**  
**FOR EXPORT IMPORT STATISTICS BY STATE MARCH 2024**

**FIVE STATES CONTRIBUTED 81.2 PER CENT FROM  
TOTAL TRADE IN MARCH 2024**

**PUTRAJAYA, 26 April 2024** – Malaysia's total trade for March 2024 amounted to RM244.5 billion with exports and imports recorded RM128.6 billion and RM115.8 billion, respectively as reported today in **EXPORT IMPORT STATISTICS BY STATE MARCH 2024**.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said exports was valued at RM128.6 billion in March 2024, decreased RM1.0 billion (-0.8%) as compared to the same month of the previous year. The decrease in exports was attributed to the lower exports in most states such as Selangor (-RM2.1 billion), W.P. Labuan (-RM1.6 billion), Melaka (-RM686.2 million), Sabah (-RM443.8 million), Sarawak (-RM260.9 million), Pulau Pinang (-RM129.8 million), Negeri Sembilan (-RM118.5 million), Johor (-RM44.6 million) and Perlis (-RM27.0 million). However, exports increased in Perak by RM1.5 billion, W.P. Kuala Lumpur (+RM1.3 billion), Terengganu (+RM929.9 million), Pahang (+RM522.0 million), Kedah (+RM151.7 million) and Kelantan (+RM36.2 million).

Pulau Pinang remained as the top exporter with 32.0 per cent share, followed by Johor (20.0%), Selangor (16.9%), Sarawak (8.1%) and W.P. Kuala Lumpur (4.5%).

Looking at the performance of imports by state, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said imports in March 2024 increased RM12.9 billion (+12.5%) as compared to the same month in 2023. The increase in imports was attributed to the higher imports in most states such as Johor (+RM8.2 billion), Melaka (+RM1.6 billion), Negeri Sembilan (+RM1.2 billion),

*W.P. Kuala Lumpur (+RM1.0 billion), Selangor (+RM996.7 million), Kedah (+RM419.7 million), Pahang (+RM152.6 million), Terengganu (+RM92.1 million), Kelantan (+RM71.0 million), Sabah (+RM55.5 million) and W.P. Labuan (+RM30.3 million). However, imports decreased in Pulau Pinang by RM521.9 million, Perak (-RM393.8 million), Sarawak (-RM115.9 million) and Perlis (-RM6.8 million).*


*Johor dominates Malaysia's imports with a share of 27.9 per cent, followed by Selangor (23.6%), Pulau Pinang (19.2%), W.P. Kuala Lumpur (7.5%) and Kedah (5.0%).*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>*

*DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".*

**Chart 1: Time Series Data on Exports and Imports in Johor, Pulau Pinang and Selangor, March 2023 – March 2024 (RM Billion)**



**Exhibit 1: Infographic on Export Import Statistics by State, March 2024**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
26 APRIL 2024**